

# OBJEK SIFAR DALAM KETRANSITIFAN BAHASA MELAYU

*Mohd Ra'in bin Shaari*

## Abstrak

Makalah ini membincangkan fenomena objek sifar dengan kata kerja transitif (KKT) meN-kan dalam bahasa Melayu. Penahu-penahu tersohor seperti Za'ba (1965), Asmah Hj. Omar (1993) dan Nik Safiah Karim *et al.* (1997) telah bersepakat bahawa setiap KKT wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut. Walau bagaimanapun, terdapat suatu kontras yang agak nyata dalam kajian oleh Hashim Hj. Musa (1990), Darwis Harahap (1996), dan Wong Khek Seng (1990), iaitu mereka berpendapat bahawa objek selepas KKT boleh dihilangkan atau objek boleh berkeadaan sifar. Justeru, makalah ini mencuba mencari jawapan terhadap permasalahan objek sifar dalam frasa kerja transitif bahasa Melayu. Berdasarkan tinjauan terhadap data korpus berkomputer, didapati bahawa terdapat fenomena objek sifar dalam frasa kerja transitif. Secara tidak langsung, ini membolehkan struktur KKT + Objek Sifar terhasil dalam bahasa Melayu. Bagi menjelaskan perilaku struktur ini, kerangka teori Linguistik Kognitif dan teori Relevans akan diaplikasikan secara eklektik.

## Abstract

*This article discusses the phenomenon of zero object with the transitive verb meN-kan in the Malay language. Outstanding Malay grammarians such as Za'ba (1965), Asmah Hj. Omar (1993), and Nik Safiah Karim (1997) shared similar views that each transitive verb must be followed by its complement. However, there are contrastive views as found in the studies done by Hashim Hj. Musa (1990), Darwis Harahap (1996) and Wong Khek Seng (1990) that there can be none or zero object after the transitive verb. Therefore, this article would try to find a solution to the issue of zero object in Malay transitive*

*verb phrase. Based on the findings of the computerized corpus data, it was found that the phenomenon of the zero object in transitive verb phrase is still in existence. Indirectly, this allows the occurrence of the Transitive Verb + Zero Object structure in the Malay language. To describe the characteristics of this structure, the theoretical framework of Cognitive Linguistics and Relevance theory would be eclectically applied.*

## PENDAHULUAN

Dalam penghuraian tentang kata kerja, Za'ba (1965:121) telah membahagikan kata kerja atau perkataan perbuatan kepada dua jenis, iaitu perbuatan melampau (kata kerja transitif) dan perbuatan tiada melampau (kata kerja tak transitif). Definisi yang diberikan oleh Za'ba tentang perbuatan melampau ialah “yang mengenai maknanya kepada sesuatu benda lain”. Misalnya, perkataan “baca” tentulah ada sesuatu yang dibaca – baca surat, baca tulisan. Seterusnya, Za'ba menegaskan bahawa setiap perbuatan melampau memerlukan penyambut (objek).

Menurut Asmah Hj. Omar (1993:100), kata kerja transitif (KKT) merupakan kata kerja yang boleh diikuti oleh objek. KKT boleh dibahagikan kepada kata kerja ekatransitif (satu objek) dan dwitransitif (dua objek).

Nik Safiah Karim *et al.* (1997:143), mendefinisikan KKT sebagai kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya. KKT boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu KKT aktif dan KKT pasif. KKT aktif ialah kata kerja yang menerima awalan meN- dengan atau tanpa akhiran -kan atau akhiran -i. Sebagai KKT, kehadiran objek merupakan satu perkara wajib, dan hal inilah yang dapat membezakannya daripada kata kerja tak transitif.

## Pernyataan Masalah

Suatu rumusan yang boleh dibuat berdasarkan pendapat penahu-penahu tersohor di atas ialah objek wajib hadir dalam frasa kerja transitif bagi melengkapkan makna sesuatu ayat. Namun begitu, dalam kajian lain oleh beberapa orang pengkaji bahasa, didapati bahawa objek selepas KKT boleh berkeadaan sifar. Menurut Hashim Hj. Musa (1990:43), fenomena ketiadaan objek selepas KKT berlaku akibat proses T-adjektivisasi, iaitu KKT telah bertukar fungsi sebagai kata adjektif (KA).

Dapatkan kajian Darwis Harahap (1996) membuktikan bahawa objek dan

unsur keterangan boleh dihilangkan selepas KKT, dan ini telah menyanggah pendapat penahu-penahu terdahulu. Namun demikian, kajian ini kurang memberikan penjelasan secara berpada tentang mengapa dan bagaimana objek boleh dikenyatakan. Perhatikan contoh data seperti yang berikut:

(a) Pelenyapan Objek

Kita rajakan di sini.

Ayat dasar: Kita rajakan *ia* di sini.

(b) Pelenyapan Unsur Keterangan

Patik sedekahkan harta patik.

Ayat dasar: Patik sedekahkan harta patik *kepada semua fakir miskin*.

Menurut Wong Khek Seng (1990), objek boleh digugurkan dan tidak perlu hadir selepas kata kerja transitif. Bagaimanapun, bentuk ini hanya berlaku jika kata kerja itu merupakan kata adjektif yang berfungsi sebagai kata kerja dan digolongkan sebagai kata kerja keadaan. Ini disebabkan oleh kata kerja keadaan yang bersifat gambaran mental dan bukannya lakuan. Sesuatu objek selepas kata kerja keadaan itu boleh digugurkan kerana dalam gambaran mental itu sudah ada penderita yang sudah pun difahami. Misalnya:

Cerita itu *menyeramkan* (para pendengar).

Skandal itu *memalukan* (kita semua).

Analisis oleh Wong Khek Seng telah menimbulkan satu persoalan, iaitu bagaimakah kita boleh menentukan identiti objek yang telah digugurkan? Adakah ia berdasarkan tanggapan (gambaran metal) semata-mata.

Berdasarkan permasalahan di atas, makalah ini mencuba menjelaskan struktur KKT + Objek Sifar bersandarkan data korpus berkomputer. Data jenis ini diakui dapat memaparkan penggunaan bahasa secara representatif. Kajian ini menggunakan data korpus berkomputer, Dewan Bahasa dan Pustaka dari jenis akhbar *Berita Harian* terbitan 1–31 Disember 2002.

## Jenis Objek

Nik Safiah Karim *et al.* (1997:563) mendefinisikan objek sebagai bentuk kata nama atau kumpulan kata nama yang menjadi penyambut KKT. Objek boleh dibahagikan kepada dua, iaitu objek tepat dan objek sipi. Objek tepat merupakan bentuk kata nama yang menjadi penyambut langsung kepada kata kerja, manakala objek sipi pula merupakan bentuk kata nama yang menjadi penyambut tidak langsung kepada kata kerja.

Wong Khek Seng (1990) dalam makalahnya yang berjudul *Objek dalam Bahasa Melayu* telah menjelaskan bahawa terdapat lapan jenis objek dalam bahasa Melayu, iaitu:

1. Objek Sederhana, iaitu objek yang tidak berimbuhan atau berganda dan selalunya terdiri daripada FN satu kata sahaja. Misalnya:  
Akhirnya dia meninggalkan *rumah* dan ...
2. Objek Genitif, iaitu objek yang menjadi pemilik kepada subjek dan selalunya pemiliknya digantikan oleh kata ganti nama diri ketiga, iaitu ‘nya’. Misalnya:  
... tetapi bukanlah aneh seseorang yang lemah akan tiba-tiba sahaja bangkit berjuang untuk mendapatkan *haknya*.
3. Objek D-M, iaitu objek yang mengandungi unsur yang diterangkan ‘mendahului’ unsur yang ‘menerangkan’ atau kata keterangan. Misalnya:  
... suara dari sudut hati menyuruhnya *memulakan perjuangan merebut kembali kebahagiaannya*.
4. Objek Terbitan, iaitu objek yang pada asalnya kata sifat atau kata kerja, tetapi setelah dibubuhimbuhan awalan, akhiran atau apitan, maka terbitlah objek terbitan. Misalnya:  
... sejari demi sejari, meningkatkan *kepanasan*.
5. Objek Penggandaan, iaitu frasa nama (FN) yang terdiri daripada objek dan kata nama/FN yang diulang. Misalnya:  
Datanglah gegaran yang mampu meranapkan *gabuk-gabuk* dan *rumah-rumah* ...
6. Objek Penjodoh Bilangan, iaitu FN/objek yang mempunyai penjodoh bilangan yang khusus. Misalnya:  
Ila tiba-tiba meletakkan *setin susu, bungkus gula dan ikan* ...
7. Objek Ganti Nama Penunjuk, iaitu objek asal yang telah digantikan dengan ganti nama penunjuk ‘itu’ dan ‘ini’. Misalnya:  
Tetapi dia tidak tahu, bagaimana hendak mulakukan *itu* kecuali ...
8. Objek Sifar/Tanpa Objek, iaitu objek yang telah digugurkan melalui proses pengguguran. Misalnya:  
Bau air longkang menusuk hidungnya – busuk dan *meloyakan*.

## KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan dua teori, iaitu teori Linguistik Kognitif dan teori Relevans secara eklektik. Yang berikut merupakan penjelasan ringkas tentang kedua-dua teori tersebut:

### (a) Teori Linguistik Kognitif

Pengelasan kata kerja (KK) dari sudut kala telah dipelopori oleh aliran Linguistik Kognitif. Aliran Linguistik Kognitif<sup>1</sup> telah mengalami perkembangan subteori sebagaimana yang telah berlaku kepada aliran Transformasi Generatif. Menurut Van Valin (1999), antara subteori yang berkembang dalam aliran ini ialah *Functional Grammar* [FG], *Semantics Proto-roles* dan *Role and Reference Grammar* [RRG] (Van Valin, 1977 dan Van Valin & LaPolla, 1997). Salah seorang tokoh terpenting bagi aliran ini ialah Vendler. Vendler (1967) menegaskan tentang kepentingan kala sebagai ruang konseptualisasi bagi kata kerja. Sama ada sesuatu perbuatan itu cepat atau lambat, yang pastinya perbuatan tersebut mempunyai tempoh operasi. Justeru, Vendler telah mengelaskan KK kepada empat, iaitu KK Keadaan (*state*), KK Aktiviti (*activity*), KK Penyempurnaan (*accomplishment*) dan KK Pencapaian (*achievement*). Yang berikut merupakan contoh yang diberikan oleh Sew (1999):

**Jadual 1** Kelas Kata Kerja Padanan Bahasa Inggeris.

<i>Activity</i>	<i>State</i>	<i>Accomplishment</i>	<i>Achievement</i>
<i>Run</i>	<i>Know</i>	<i>Compose</i>	<i>Die</i>
<i>Read</i>	<i>Sick</i>	<i>Make</i>	<i>Sneeze</i>
<i>Write</i>	<i>Love</i>	<i>Complete</i>	<i>Jump</i>
<i>Fly</i>	<i>Like</i>	<i>Create</i>	<i>Find</i>

**Jadual 2** Kelas Kata Kerja Padanan Bahasa Melayu.

<b>Aktiviti</b>	<b>Keadaan</b>	<b>Penyempurnaan</b>	<b>Pencapaian</b>
Lari	Tahu	Cipta	Mati
Baca	Sakit	Buat	Bersin
Tulis	Cinta	Siap	Terjun
Terbang	Suka	Bina	Cari

1 Aliran ini dikenali sebagai Linguistik Kognitif kerana melibatkan penaakulan (Sew, J.W., 1999).

Menurut Sew (1999), perbezaan antara KK Penyempurnaan dengan KK Pencapaian terletak pada jangka tempoh operasi. KK Pencapaian mempunyai tempoh yang amat pendek sehingga mencapai tahap konseptualisasi spontan. Contohnya, *mati*, *bersin* dan *terjun*. KK itu dilakukan dengan pantas. KK Penyempurnaan mempunyai jangka operasi yang lebih panjang berbanding dengan KK Pencapaian dan ia mempunyai titik permulaan, titik pertengahan dan titik penghabisan. Contohnya, *bina*, *cipta* dan *siap*. KK Aktiviti mempunyai titik permulaan, titik pertengahan tetapi tidak mempunyai titik penamat. KK Keadaan hanya mempunyai titik permulaan sahaja. Contohnya, *cinta*, *sakit* dan *suka*.

Van Valin dan LaPolla (1997:82) telah memperhalus lagi kelas kata kerja Vendler, iaitu dengan memberikan fitur-fitur bagi setiap jenis kelas kata tersebut. Fitur-fitur yang telah diperkenalkan oleh mereka adalah seperti yang berikut:

**Jadual 3** Fitur Kelas Kata Kerja.

Bil.	Kelas KK	Fitur
1.	Keadaan	[+statik], [-penyudah], [-tempoh], [-dinamik]
2.	Pencapaian	[-statik], [+penyudah], [+tempoh], [-dinamik]
3.	Penyempurnaan	[-statik], [+penyudah], [-tempoh], [-dinamik]
4.	Aktiviti	[-statik], [-penyudah], [-tempoh], [+dinamik]

(Sumber: Diubahsuai daripada Van Valin & LaPolla, 1997:82).

KK Keadaan (*state*) mempunyai fitur [+statik], iaitu yang menunjukkan keadaan statik atau tidak bergerak; [-penyudah], iaitu yang tidak mempunyai batasan penamat atau tiada penyudah (*boundedness*); [-tempoh], iaitu yang tidak mempunyai tempoh atau lamanya bagi sesuatu perbuatan (*duration*); dan [-dinamik], iaitu yang menunjukkan sesuatu yang tidak bertenaga atau berkekuatan untuk melakukan sesuatu.

KK Pencapaian (*achievement*) mempunyai fitur [-statik], iaitu yang menunjukkan sesuatu itu bergerak atau tidak statik; [+penyudah], iaitu yang mempunyai batasan penamat atau penyudah; [+tempoh], iaitu yang mempunyai tempoh atau lamanya bagi sesuatu perbuatan; dan [-dinamik], iaitu yang menunjukkan sesuatu yang tidak bertenaga atau berkekuatan untuk melakukan sesuatu.

KK Penyempurnaan (*accomplishment*) mempunyai fitur [-statik], iaitu yang menunjukkan keadaan bergerak atau tidak statik; [+penyudah], iaitu yang mempunyai batasan penamat atau penyudah; [-tempoh], iaitu yang tidak mempunyai tempoh atau lamanya bagi sesuatu perbuatan; dan [-dinamik], iaitu yang menunjukkan sesuatu yang tidak bertenaga atau berkekuatan untuk melakukan sesuatu.

KK Aktiviti (*activity*) mempunyai fitur [-statik], iaitu yang menunjukkan sesuatu yang bergerak atau tidak statik; [-penyudah], iaitu yang tidak mempunyai batasan penamat atau tiada penyudah; [-tempoh], iaitu yang tidak mempunyai tempoh atau lamanya bagi sesuatu perbuatan; dan [+dinamik], iaitu yang menunjukkan sesuatu yang bertenaga atau berkekuatan untuk melakukan sesuatu.

Melalui fitur-fitur yang telah diperkenalkan oleh Van Valin dan LaPolla, semua KKT yang menerima imbuhan meN-kan, sama ada kata dasarnya terdiri daripada KK, KN atau KA, dapat dikelaskan berdasarkan ciri-ciri tertentu, khususnya yang berkaitan dengan kala.

## (b) Teori Relevans

Teori Relevans telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson bagi menggantikan teori Grice yang mempunyai beberapa kelemahan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:33). Teori Relevans mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip relevans. Teori ini menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Semakin banyak kesan konteks yang diperoleh, semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan, maka semakin relevanlah ujaran itu. Tiga gagasan itu ialah:

### 1. Konteks

Konteks ialah sekeras andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran yang terdahulu yang paling hampir (Sperber dan Wilson, 1999:26).

### 2. Kesan Konteks

Kesan konteks ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar itu. Sesuatu ujaran akan dianggap menjadi lebih relevan jika ia mempunyai lebih banyak kesan konteks. Dalam mencari sesuatu kesan konteks, penutur dan pendengar akan melakukan beberapa proses, iaitu penggabungan maklumat,

penguatan maklumat dan pengguguran maklumat.

### 3. Usaha Memproses Maklumat

Satu lagi aspek yang penting dalam teori Relevans ialah usaha memproses maklumat. Cara kita memperoleh kesan konteks haruslah seimbang dengan usaha memproses maklumat dan usaha memproses maklumat itu seharusnya menggunakan maklumat yang seminimum mungkin. Semakin rendah kos memproses, semakin relevanlah pengajaran itu.

## STRUKTUR meN-kan + OBJEK SIFAR ( $\emptyset$ )

Pendapat yang mengatakan setiap KKT wajib diikuti oleh objek merupakan suatu pendapat lama. Berdasarkan data korpus, didapati bahawa terdapat perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan yang tidak mengambil objek sebagai penyambut. Struktur yang terhasil ialah meN-kan + Objek Sifar ( $\emptyset$ ).<sup>2</sup>

Fenomena objek sifar ( $\emptyset$ ) bermaksud objek menjadi kosong atau tiada dari segi strukturnya, namun pada hakikatnya, objek masih boleh ditentukan identitinya. Keadaan ini menyebabkan objek tidak kelihatan atau berada dalam keadaan samar-samar. Data di bawah menunjukkan senarai beberapa baris konkordans yang mempunyai struktur meN-kan + Objek Sifar. Ketiadaan objek dapat dilihat melalui struktur, misalnya setiap KKT dalam baris-baris konkordans di bawah ini berakhir dengan tanda noktah (.). Di bawah ini disenaraikan beberapa baris konkordans untuk memperlihatkan fenomena struktur meN-kan + Objek Sifar.

Contoh:

- 7237 enjadi tragedi harian yang menyedihiakan. Sewaktu burung gagak dipe BHLR61  
 8569 puisi pilihannya ternyata menghiburkan. Begitu juga dengan perse BHLR69  
 8507 s sebarang bentuk kegiatan melalaikan. Banyak ayat al-Quran dan BHLR68  
 6712 erjaya dengan keputusan memberangsangkan. Buat skuad negara, b BHLR57  
 7626 r yang menyebabkan kematian memilukan. Hal ini digambarkan melalui BHLR63  
 187 leh diterima. Ia juga amat mengejutkan. ‘Saya tidak percaya ke BHLR17  
 5708 ri dengan tokok tambah agak melucukan. Sesiapa yang mendengarnya BHLR51  
 3392 ak menunjukkan kesan yang membanggakan. ‘Walaupun masih ada IP BHLR34

Berdasarkan paparan data di atas, fenomena ketiadaan objek selepas KKT mempunyai beberapa ciri yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut dapat dilihat melalui

2 Dalam kajian ini, struktur meN-kan + Objek Sifar terbatas kepada KKT yang berakhir dengan tanda noktah (.). Pengguguran objek melalui proses transformasi tidak akan disentuh.

kata dasar yang mendasari KKT dan kedudukan objek. Ringkasnya, fenomena objek sifar selepas KKT mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

### **(i) Hanya melibatkan KK yang dikelaskan sebagai KKT Keadaan**

Dengan lebih jelas lagi, KK di atas dikelaskan sebagai KKT Keadaan, iaitu KK yang menyatakan keadaan. Perkataan yang bergaris dalam contoh data di bawah merupakan KKT Keadaan, iaitu KK yang menggambarkan keadaan atau situasi. Contoh:

#### **meN-KA-kan**

7237 enjadi tragedi harian yang menyedihkan. Sewaktu burung gagak dipe BHLR61  
8569 puisi pilihannya ternyata menghiburkan. Begitu juga dengan perse BHLR69

KA lain<sup>3</sup> serta KK dan kata nama (KN), tidak boleh berstruktur meN-kan + Objek Sifar. Contoh:

#### **meN-KK-kan**

5134 ebih lagi pada setiap kali mendirikan solat. Namun begitu, kesan BHLR48  
5836 rniat untuk melengah serta mengalihkan perhatian rakyat. Beliau BHLR52

#### **meN-KN-kan**

3650 ktor pelancongan, dijangka membuahkan hasil menggalakkan. Di a BHLR37  
2307 FMG yang bertanggungjawab memasarkan rangkaian telefon bimbit S BHLR22

Berdasarkan contoh data di atas, KKT yang terdiri daripada kata dasarnya KK dan KN, tidak boleh mengalami keadaan objek sifar. Tegasnya, objek wajib hadir selepas KKT yang kata dasarnya terdiri daripada KK dan KN. Justeru, struktur meN-kan + Objek Sifar hanya berlaku kepada KKT yang kata dasarnya terdiri daripada KA yang dikelaskan sebagai KKT Keadaan mengikut teori linguistik kognitif.

### **(ii) Objek boleh bersifat opsyenal**

Objek bersifat opsyenal bermaksud objek boleh berkeadaan ada atau tiada dalam struktur meN-kan + Objek Sifar yang kata dasarnya terdiri daripada

---

3 KA lain seperti KA warna (memutihkan), KA ukuran (memanjangkan) dan KA bentuk (membujurkan) tidak boleh berobjek sifar kerana melibatkan fitur [-statik].

KKT Keadaan. Ini bermakna, kehadiran objek dalam struktur meN-kan + Objek Sifar sebenarnya bersifat pilihan.

Contoh:

5482 hati mereka suatu perasaan memilukan hati. Sebabnya, orang Muk BHLR50  
 7626 r yang menyebabkan kematian memilukan. Hal ini digambarkan melalui BHLR63  
 8437 di sebalik peningkatan memberangsangkan itu, Bahasa Inggeris ad BHLR68  
 3169 a 12 tahun yang sungguh memberangsangkan. Baginda bertitah, ke BHLR32  
 2228 n bijak biarpun ia memang mencecwanan rakyat,” katanya. - Agens BHLR21  
 6283 apan yang diterima adalah mencecwanan. Baru-baru ini, saya me BHLR54  
 4985 dalam kemelut ekonomi yang memalukan Turki. Seorang pengundi y BHLR47  
 4977 dalam kemelut ekonomi yang memalukan. DENGAN barisan menteri ya BHLR47  
 5357 eadaan ini bukan saja amat menyedihkan umat Islam, malahan membaw BHLR49  
 4909 nya ia adalah sesuatu yang menyedihkan. Beliau berkata, tahun p BHLR46

Berdasarkan data di atas, setiap KKT tersebut boleh dalam keadaan diikuti oleh objek dan boleh juga tidak diikuti oleh objek. Misalnya KKT *memilukan* memiliki dua struktur, iaitu (a) *memilukan hati*, dan (b) *memilukan*. Keadaan ini berlaku kerana kehadiran atau ketiadaan objek boleh diramalkan oleh konteks. Konteks akan membekalkan maklumat, iaitu sama ada objek sifar tersebut berada di dalam teks atau di luar teks. Hal ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian analisis teori Relevans. Justeru, bagi struktur meN-kan + Objek Sifar, objek tersebut boleh ditentukan dalam dua keadaan, iaitu:

- Objek terdapat di dalam teks, iaitu objek yang kosong selepas KKT berada di dalam teks sama ada pada awal atau akhir teks. Objek sifar yang berada di dalam teks mudah untuk ditentukan identitinya.

Misalnya:

109 ga kecil tanpa syarat yang menyusahkan. Samy Vellu yang juga Pr BHLR9

Dana itu membolehkan pinjaman melalui bank dikeluarkan kepada peniaga kecil tanpa syarat yang menyusahkan. Samy Vellu yang juga Presiden MIC, berkata beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bagi mencari jalan menyelesaikan masalah itu.

6014 Sijil Tinggi Agama sebagai membebankan. SMKA boleh dianggap seb BHLR53

Permasalahan SAR dan pendidikan Islam sudah lama diperkatakan oleh cendekiawan Islam pada awal tahun 80-an yang melihat kewajipan pelajar SAR mengambil dua peperiksaan iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Menengah Agama (SMA)

serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan Sijil Tinggi Agama sebagai  
\*\*membebankan\*\*.

- (b) Objek terdapat di luar teks, iaitu objek sifar selepas KKT tidak berada di dalam teks. Apabila objek yang dirujuk berada di luar teks, ia akan menyukarkan pihak pembaca untuk menentukan identiti objek tersebut.

Misalnya:

1210 t Tanah adalah lumrah cukup \*\*memalukan\*\*. Kakitangan Pejabat Tanah BHLR11

Pendedahan ejen tanah dan peguam yang mendakwa memberi sogokan kepada kakitangan Pejabat Tanah adalah lumrah cukup \*\*memalukan\*\*. Kakitangan Pejabat Tanah sentiasa terdedah kepada risiko rasuah atau sogokan kerana orang ramai kerap mahukan urusan mereka disegerakan.

7237 enjadi tragedi harian yang \*\*menyedihkan\*\*. Sewaktu burung gagak dipe BHLR61

Kepupusan fauna dan flora menjadi tragedi harian yang \*\*menyedihkan\*\*. Sewaktu burung gagak diperlukan untuk \*\*memakan\*\* ulat di ladang kopi, ia dibawa dari India dan digelar ‘black beauty’. Namun setelah didapati bilangannya semakin bertambah dan dirasakan kehadirannya \*\*mengotorkan\*\* kawasan bandar tanpa menyedari bahawa burung gagak juga turut membantu \*\*melupuskan\*\* sampah dengan begitu banyak, satu pertandingan menembak burung gagak diadakan.

Analisis morfo-sintaksis di atas telah menjelaskan ciri-ciri struktur meN-kan + Objek Sifar. Seterusnya, akan diuraikan pula tentang bagaimana struktur tersebut terhasil. Kajian oleh Hashim Hj. Musa (1990:43) yang berdasarkan Rumus Struktur Frasa (RSF), mendapati fenomena ketidaaan objek selepas KKT berlaku akibat proses T-adjektivisasi. Analisis berdasarkan RSF, iaitu tentang bagaimana struktur meN-kan + Objek Sifar terhasil akibat proses T-adjektivisasi telah menimbulkan beberapa keraguan. Keraguan-keraguan tersebut ialah:

### **(i) Kekangan orang pertama**

Kekangan bagi T-adjektivisasi berdasarkan Rumus Struktur Frasa (RSF) didapati kurang tepat kerana menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1997:371), proses ini juga boleh berlaku kepada orang pertama dan orang kedua.

Contoh:

Filem itu sungguh menyeramkan (kami).

Kejadian itu sangat menyedihkan (kita).

Saya percaya peristiwa semalam sangat menakutkan (anda).

Betulkah pemeriksaan ketat imigresen di negara itu menyulitkan (awak)?

Pengkaji berpendapat bahawakekangan bagi T-adjektivisasi sebagai kurang tepat kerana hanya terbatas kepada orang pertama dan orang kedua sahaja. Pengkaji juga berpendapat bahawa proses ini boleh berlaku kepada orang ketiga. Misalnya:

6712 erjaya dengan keputusan memberangsangkan. Buat skuad negara, b BHLR57

Seperi Korea Selatan, walaupun negara itu terkenal dengan sikap menghormati tetamu, tetapi demi negara mereka melupakan sikap itu di medan pertarungan sukan. Walaupun hakikat sukan adalah pengukuh persahabatan pelbagai budaya, namun mereka akhirnya berjaya dengan keputusan \*\*memberangsangkan\*\*. Buat skuad negara, berjuanglah walaupun tewas.

8507 s sebarang bentuk kegiatan melalaikan. Banyak ayat al-Quran dan BHLR68 Maka, sebaik menjelang malam tahun baru, mereka akan \*\*meraikan\*\* kedatangannya dengan pelbagai bentuk hiburan dan maksiat. Tidak hairanlah pada malam itu, majlis tarian dan pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan agak berleluasa. Bagaimanapun, Islam agama yang berperaturan menentang keras sebarang bentuk kegiatan \*\*melalaikan\*\*. Banyak ayat al-Quran dan hadis \*\*memerintahkan\*\* umat Islam daripada melakukan sebarang perbuatan yang boleh \*\*menempatkan\*\* diri dalam kehinaan dan kemurkaan kepada Allah.

Berdasarkan penerangan di atas, sama ada objek orang pertama, orang kedua atau orang ketiga, tidak boleh menjadi kekangan kepada proses ini. Yang penting ialah KKT tersebut relevan dengan mana-mana objek (orang pertama, orang kedua atau orang ketiga) sama ada berada di dalam atau di luar teks. Hal ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci melalui analisis teori relevans.

## (ii) KKT bertukar fungsi kepada KA

Menurut Hashim Hj. Musa (1990:43) dan Nik Safiah Karim *et al.* (1997: 371), KKT yang tidak diikuti oleh objek merupakan KKT yang telah bertukar fungsi kepada KA. Ini bermakna KKT tersebut bukan lagi KK, sebaliknya merupakan KA. Hal ini turut disokong oleh Abdullah Hassan dan Liaw Yock

Fang (1994:128), iaitu meN-KA-kan yang diterangkan oleh kata keterangan darjat (*kata penguat*) akan dikelaskan sebagai KA dan bukannya sebagai KKT. Berdasarkan penerangan Hashim Hj. Musa (1990), proses bagaimana KKT bertukar fungsi sebagai KA dapat dilihat melalui proses yang berikut:

1. KKT bertukar fungsi kepada KA.
2. Pengguguran FN objek.
3. Kemungkinan muncul penguat mendahului adjektif.

Contoh:


187 leh diterima. Ia juga amat mengejutkan. ‘Saya tidak percaya ke BHLR17

Bangkok pula \*\*menegaskan\*\*, tiada negara boleh melakukan apa saja seperti yang dicadangkan Howard. “Ini kerana setiap negara ada hak kedaulatannya sendiri yang perlu dilindungi,” kata jurucakap kerajaan kepada stesen radio Bangkok. Penasihat Keselamatan Filipina Roilo Golez turut mengcam Howard dan ‘kenyataannya itu tidak berasas atau boleh diterima. Ia juga amat mengejutkan.’ “Saya tidak percaya kenyataan itu datangnya dari sebuah negara yang sepatutnya lebih bersifat setia kawan di rantau ini.

Berdasarkan data 187 di atas, proses T-adjektivisasi berlaku seperti yang berikut:

[Ia juga]FN [[[mengejutkan]KKT [saya]FN- orang pertama] FK] FP]  
→ [Ia juga]FN [[[amat]PENG [mengejutkan]KA ] FA ]FP  
T-adjektivisasi  
+ PENG

Rajah pohon:



Seterusnya, Hashim Hj. Musa menjelaskan kemungkinan kehadiran kata penguat sebagai salah satu proses T-adjektivisasi, akan menyebabkan KKT bertukar kepada KA kerana kata penguat tidak boleh hadir bersama-sama KK. Berdasarkan rajah pohon di atas, KKT *mengejutkan* telah bertukar fungsi menjadi KA akibat proses T-adjektivisasi. Namun, proses T-adjektivisasi ini masih boleh dibahaskan lagi. Ini kerana, dari sudut morfologi, setiap perkataan yang menerima imbuhan meN-kan akan dikategorikan sebagai KKT kerana imbuhan meN- merupakan penanda KK ragam aktif dan imbuhan -kan sebagai unsur pentransitif. Oleh itu, KKT berpenanda meN-kan yang kata dasarnya terdiri daripada KA tetap dikategorikan sebagai KK dan bukannya sebagai KA.

Analisis berdasarkan RSF didapati kurang tepat, terutamanya tentang penukaran FK kepada FA. Menurut Ramli Md. Salleh (2000:28), Rumus Struktur Frasa (RSF) mempunyai beberapa kelemahan, antaranya ialah RSF menjadi terlalu luas atau “*unconstrained*”. Ini bermakna dalam RSF, apa-apa sahaja rumus struktur frasa boleh diadakan tanpa apa-apa halangan atau menjadi terlalu berkuasa (*powerfull*). Misalnya:

- (1) a. FN → K – FK  
b. FK → N – K.Pen

Sistem yang lebih baik ialah sistem yang tidak membolehkan rumus seperti (1) di atas berlaku. Sebaik-baiknya, RSF hanya boleh menerbitkan rumus seperti yang di bawah:

- (2) a. FN → ...N...  
b. FK → ...K...  
c. FA → ...A...  
d. FP → ...P...

Berdasarkan penerangan oleh Ramli Md. Salleh (2000), penukaran rumus daripada FK kepada FA adalah tidak tepat.

## **ANALISIS LINGUISTIK KOGNITIF**

Kekeliruan yang berlaku akibat analisis RSF di atas dapat dijelaskan dengan lebih berpada melalui pendekatan Linguistik Kognitif. Melalui pendekatan ini, KK tidak lagi dikelaskan berpandukan kehadiran objek, sebaliknya KK dikelaskan berdasarkan kepentingan kala (tempoh operasi KK) yang

didukung oleh kata dasar yang mendasari KK itu sendiri. Bagi menghuraikan permasalahan KKT yang kata dasarnya terdiri daripada KK Keadaan atau KA Perasaan,<sup>4</sup> rangka teori kelas KK oleh Van Valin dan LaPolla (1997) akan diguna pakai dalam analisis ini. Sila perhatikan paparan data di bawah ini:

7626 r yang menyebabkan kematian memilukan. Hal ini digambarkan melalui BHLR63  
187 leh diterima. Ia juga amat mengejutkan. ‘Saya tidak percaya ke BHLR17  
5708 ri dengan tokok tambah agak melucukan. Sesiapa yang mendengarnya BHLR51  
7237 menjadi tragedi harian yang menyedihkan. Sewaktu burung gagak dipe BHLR61  
8569 puisi pilihannya ternyata menghiburkan. Begitu juga dengan perse BHLR69  
5324 bermartabat sungguh amat membanggakan. Dari seberang Selat Te BHLR49

Melalui fitur-fitur yang diperkenalkan oleh Van Valin dan LaPolla (1997), semua KKT yang kata dasarnya terdiri daripada KA boleh dikelaskan sebagai KKT dan bukannya sebagai KA. Misalnya:

[memilukan.] =[+statik], [-penyudah], [-tempoh], [-dinamik]= KK Keadaan  
[mengejutkan.] =[+statik], [-penyudah], [-tempoh], [-dinamik]= KK Keadaan  
[melucukan.] = [+statik], [-penyudah], [-tempoh], [-dinamik]= KK Keadaan  
[menyedihkan.] =[+statik], [-penyudah], [-tempoh], [-dinamik]= KK Keadaan  
[menghiburkan.] =[+statik], [-penyudah], [-tempoh], [-dinamik]=KK Keadaan  
[membanggakan]=[+statik], [-penyudah], [-tempoh], [-dinamik]=KK Keadaan

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Van Valin dan LaPolla (1997:82), KK Keadaan mempunyai fitur-fitur tersendiri, iaitu memiliki fitur [+statik], [-penyudah], [-tempoh] dan [-dinamik]. Berdasarkan data di atas, KKT seperti [memilukan.], [menyedihkan.] dan [menghiburkan.] mempunyai fitur [+statik], iaitu yang menunjukkan keadaan statik, [-penyudah], iaitu yang tidak mempunyai batasan penamat atau tiada penyudah (*boundedness*), [-tempoh], iaitu yang tidak mempunyai tempoh atau lamanya bagi sesuatu perbuatan (*duration*), dan [-dinamik], iaitu yang menunjukkan sesuatu yang tidak bertenaga atau berkekuatan. Oleh itu, KKT seperti [memilukan.], [menyedihkan.] dan [menghiburkan.] bukan KA, sebaliknya dikategorikan sebagai KKT Keadaan berdasarkan fitur-fitur tersebut. Justeru, dari sudut sintaksis, KKT Keadaan tidak menunjukkan lakuhan atau perbuatan yang

4 Istilah ini digunakan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (1997) untuk merujuk salah satu pecahan KA.

memerlukan objek sebagai penderita. Sebaliknya, KKT Keadaan<sup>5</sup> merupakan KK yang menunjukkan sesuatu situasi yang tidak memerlukan objek sebagai penderita.

Melalui analisis Linguistik Kognitif di atas, suatu dapatan yang paling penting ialah KKT yang kata dasarnya terdiri daripada KA yang menunjukkan perasaan atau emosi akan dikategorikan sebagai KKT Keadaan dan bukannya sebagai KKT yang bertukar fungsi kepada KA. KKT Keadaan tidak wajib diikuti oleh objek. Ini bermakna, objek selepas KKT Keadaan boleh ditiadakan kerana objek boleh diramal oleh konteks. KKT Keadaan yang tidak diikuti oleh objek akan menimbulkan permasalahan dari segi pengelasan KK, iaitu sama ada sebagai KKTT (tidak berobjek) atau sebagai KKT (berobjek). KKT Keadaan tidak boleh dikelaskan sebagai KKTT (walaupun KK tersebut tidak memiliki objek) kerana KKT Keadaan yang menerima imbuhan -kan (pentransitif), tetap dikelaskan sebagai KKT. Jika KKT Keadaan diklasifikasikan sebagai KKT biasa, ia kurang tepat kerana KKT Keadaan boleh berkeadaan objek sifar sedangkan setiap KKT biasa wajib diikuti oleh objek. Oleh sebab KKT Keadaan tidak boleh dikelaskan sebagai KKTT atau KKT biasa, maka KKT perlu dikelaskan dalam suatu pendekatan yang berbeza.

Bagi menangani permasalahan ini, KKT perlu dikelaskan kepada empat kelas KKT berdasarkan kelas KK aliran linguistik kognitif. Kelas KKT tersebut ialah KKT Aktiviti, KKT Pencapaian, KKT Penyempurnaan dan KKT Keadaan. KKT Aktiviti, KKT Pencapaian dan KKT Penyempurnaan, wajib diikuti oleh objek kerana KK jenis ini mempunyai fitur [-statik]. Fitur [-statik] menunjukkan bahawa KK tersebut mempunyai pelaku yang menunjukkan berlakunya sesuatu pergerakan atau bersifat tidak statik. Ini menyebabkan wujudnya hubungan antara pelaku dengan objek. Oleh itu, KK jenis ini wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut. Jika objek tidak hadir selepas KKT jenis ini, maka ayat akan menjadi tergantung atau tidak gramatis.

Walau bagaimanapun, hal ini berlainan pula dengan KKT Keadaan yang tidak wajib diikuti oleh objek kerana KK jenis ini mempunyai fitur [+statik]. Fitur ini menunjukkan bahawa KK jenis ini bersifat statik atau tidak melibatkan lakuan. Hal ini juga menunjukkan bahawa tidak wujudnya hubungan antara pelaku dengan objek. Analisis telah membuktikan bahawa

5 Istilah KK Keadaan turut digunakan oleh Asmah Hj. Omar (1993), Wong Khek Seng (1990) dan Mohd. Azemi Mohd. Yusoff (1998) tetapi tidak menggunakan pendekatan Linguistik Kognitif.

KKT Keadaan lebih bersifat menggambarkan situasi atau sesuatu keadaan dan bukannya lakuan. KK jenis ini membolehkan objek bersifat opsyenal, iaitu boleh ada dan boleh ditiadakan. Oleh itu, objek tidak wajib hadir selepas KKT Keadaan.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa KKT bahasa Melayu boleh dikelaskan kepada empat jenis mengikut aliran linguistik kognitif. KKT yang wajib diikuti oleh objek ialah KKT Aktiviti, KKT Pencapaian dan KKT Penyempurnaan, manakala KKT Keadaan tidak wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut. Pengelasan jenis ini dapat menyelesaikan masalah KKT yang tidak diikuti oleh objek, khususnya dalam kes struktur meN-kan + Objek Sifar.

## ANALISIS TEORI RELEVANS

Dalam sesuatu komunikasi, penutur atau penulis boleh menghilangkan objek selepas KKT Keadaan dengan andaian objek itu tidak perlu diulang-ulang dan mengandaikan pendengar atau pembaca boleh memahami dan memproses maklumat dengan mudah. Za 'ba (1965:265) menyatakan pendapatnya bahawa walaupun sesuatu unsur ayat ditiadakan, kedua-dua pihak (misalnya penulis dan pembaca) masih boleh memahami apa yang dimaksudkan kerana masing-masing "sudah tahu sama tahu". Menurut Za 'ba lagi, antara unsur ayat yang boleh ditiadakan dalam sesuatu komunikasi ialah benda (subjek) dan cerita (predikat). Salah satu unsur cerita atau predikat ialah penyambut (objek). Unsur-unsur yang ditiadakan yang berkaitan dengan konteks sebenarnya telah dibekalkan, sama ada dalam ayat tersebut atau boleh juga didapati pada ayat terdahulu ataupun ayat terkemudian daripadanya.

Pendengar atau pembaca boleh memahami dan menentukan objek dengan membuat rujukan kepada ayat terdahulu ataupun terkemudian, ataupun membuat rujukan di dalam atau di luar teks. Dalam hal ini, yang penting ialah kedua-dua pihak, iaitu penutur/penulis dan pendengar/pembaca perlulah membina keseimbangan konteks supaya yang diperkatakan itu sama dengan yang dimaksudkan.

Dalam menentukan objek mana yang dirujuk, pembaca perlu melihat objek yang terdapat di dalam dan di luar teks. Hal ini dapat dijelaskan melalui teori Relevans yang melihat konteks sebagai unsur terpenting. Prinsip terpenting dalam menentukan kerelevanan sesuatu objek yang dirujuk itu ialah keutamaan kepada objek-objek yang terdapat di dalam teks. Seterusnya barulah dilihat objek yang terdapat di luar teks. Ini bermakna, jika objek yang terdapat di dalam teks tidak relevan dengan nilai keadaan (misalnya

keadaan memilukan) yang dibawa oleh KKT, maka objek yang terdapat di luar teks dianggap sebagai relevan dengan nilai keadaan yang dibawa oleh KKT walaupun objek tersebut tidak dinyatakan secara tersurat di dalam teks. Tegasnya, walaupun objek yang telah ditiadakan selepas KKT tidak kelihatan, pada hakikatnya objek tersebut tetap ada, sama ada berada di dalam teks ataupun di luar teks. Yang penting di sini ialah konsep pemilihan rujukan, iaitu menentukan objek yang tepat dengan konteks yang sedang diperkatakan.

Lantaran itu, analisis dari sudut teori Relevans bagi Struktur meN-kan + Objek Sifar, akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu yang pertama, analisis yang melibatkan objek yang terdapat di dalam teks, dan kedua, analisis yang melibatkan objek yang terdapat di luar teks. Dalam konteks teori Relevans, jika objek yang telah ditiadakan itu berada di dalam teks, sama ada dalam ayat terdahulu atau ayat terkemudian, maka kos memproses akan menjadi rendah kerana pembaca tidak perlu melibatkan konteks di luar teks. Namun, jika objek yang telah ditiadakan itu tidak terdapat di dalam teks, maka kos memproses akan menjadi tinggi. Dalam analisis Struktur meN-kan + Objek Sifar, Data 1 dan Data 2 merupakan data yang memaparkan keadaan objek berada di dalam teks, manakala Data 3 dan Data 4 pula merupakan data yang memaparkan keadaan objek yang berada di luar teks.

## Analisis Data 1

1. 109 ga kecil tanpa syarat yang **menyusahkan**. Samy Vellu yang juga Pr BHLR9

Dana itu **membolehkan** pinjaman melalui bank dikeluarkan kepada **peniaga kecil** tanpa syarat yang **menyusahkan**. Samy Vellu yang juga Presiden MIC, berkata beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bagi mencari jalan **menyelesaikan** masalah itu.

Dari segi morfo-sintaksis, ketiadaan objek selepas KKT akan mendatangkan permasalahan, terutama dari segi kegramatisan ayat. Pada kebiasaan, ketiadaan objek selepas KKT akan menghasilkan ayat yang tidak gramatis kerana menyalahi aturan rumus bahasa Melayu. Misalnya dalam data di atas, ketiadaan objek selepas KKT *menyusahkan* akan menyebabkan ayat tersebut tergantung dari segi struktur kerana objek yang sepatutnya bertindak sebagai penderita tidak wujud di dalam struktur tersebut.

Walaupun dari segi morfo-sintaksis, ayat yang terdapat di dalam data tersebut mendatangkan permasalahan, namun dari segi teori Relevans,

ketiadaan objek selepas KKT dapat ditangani dan dijelaskan dengan baik melalui teori Relevans. Dari sudut teori Relevans, ketiadaan objek selepas KKT tidak mendorong permasalahan yang besar kerana ayat tersebut masih dapat diterima sebagai ayat yang bermakna. Dalam hal ini, ketika menentukan objek manakah yang sepatutnya hadir selepas KKT, pembaca perlu melihat konteks ayat tersebut.

Penulis sering menghasilkan ayat-ayat yang berkeadaan ketiadaan objek dengan tanggapan bahawa objek yang telah ditiadakan itu masih boleh difahami dengan merujuk ayat terdahulu atau terkemudian. Selain itu, bagi menimbulkan kesan konteks kepada para pembaca, penulis perlu memberikan premis tambahan yang berkaitan dengan objek yang telah ditiadakan itu. Yang penting ialah kesediaan pembaca untuk membina keseimbangan konteks. Apabila pembaca dapat membina keseimbangan konteks, maka maksud ayat dapat difahami dengan mudah, termasuklah dalam hal menentukan pemilihan rujukan. Konsep pemilihan rujukan penting kerana walaupun objek telah mengalami keadaan ketiadaan objek selepas KKT, objek tersebut masih terdapat di dalam teks. Yang penting ialah pemilihan rujukan yang tepat.

Dalam data di atas, objek yang telah ditiadakan oleh penulis selepas KKT *menyusahkan*, sebenarnya terdapat di dalam teks. Jika objek yang telah ditiadakan itu terdapat di dalam teks, sama ada di dalam ayat terdahulu atau ayat terkemudian, maka kos memproses menjadi rendah. Ini kerana maklumat tersebut telah tersedia di dalam teks, hanya pembaca sahaja yang perlu menentukan pemilihan rujukan yang tepat. Data dalam bentuk perenggan di bawah ini dapat menentukan objek mana yang paling relevan yang wajar hadir selepas KKT *menyusahkan*.

Dana itu \*\*membolehkan\*\* pinjaman melalui bank dikeluarkan kepada peniaga kecil tanpa syarat yang menyusahkan\*\*. Samy Vellu yang juga Presiden MIC, berkata beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri...

Dalam data di atas, KKT *menyusahkan* telah menimbulkan persoalan, iaitu menyusahkan siapa? Bagi menentukan rujukan yang tepat, pembaca perlu melihat maklumat-maklumat terdahulu yang dinyatakan secara tersurat atau tersirat. Maklumat-maklumat terdahulu merupakan premis tambahan yang akan membantu pembaca membina keseimbangan konteks. Pembaca telah diberi maklumat pertama, iaitu pinjaman melalui bank dikeluarkan kepada peniaga kecil. Maklumat kedua ialah pinjaman tersebut dikenakan syarat yang ketat. Maklumat ketiga pula ialah syarat-syarat yang ketat mendorong kesusahan kepada peminjam. Melalui maklumat ketiga, pem-

baca telah dapat menentukan pihak yang mendapat kesusahan akibat syarat-syarat yang ketat, iaitu peminjam. Dalam hal ini, KN *peminjam* tidak terdapat di dalam teks. Oleh itu, pembaca perlu menentukan pemilihan rujukan yang tepat supaya KKT tersebut menjadi relevan dengan objek yang telah ditiadakan oleh penulis. Pemilihan rujukan tidak menjadi terlalu sukar kerana dalam maklumat pertama telah dinyatakan tentang pihak yang membuat pinjaman, iaitu peniaga kecil.

Lantaran itu, pemilihan rujukan yang paling tepat bagi KN peminjam ialah peniaga kecil. Oleh itu, objek yang telah ditiadakan oleh penulis selepas KKT *menyusahkan* ialah peniaga kecil. Struktur yang sepatutnya terhasil ialah meN-susah-kan + peniaga kecil. Melalui konsep pemilihan rujukan dalam teori Relevans, permasalahan ketiadaan objek selepas KKT dapat diselesaikan dengan lebih berpada. Justeru, yang penting ialah membuat pemilihan rujukan yang tepat kerana objek yang telah ditiadakan oleh penulis terdapat di dalam teks. Hal inilah yang menyebabkan ayat tersebut dapat diterima dalam konteks teori Relevans.

## Analisis Data 2

2. 6014 Sijil Tinggi Agama sebagai **membebankan**. SMKA boleh dianggap seb BHLR53

Permasalahan SAR dan pendidikan Islam sudah lama diperkatakan oleh cendekiawan Islam pada awal tahun 80-an yang melihat kewajipan *pelajar SAR* mengambil dua peperiksaan iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Menengah Agama (SMA) serta Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia dan Sijil Tinggi Agama sebagai **membebankan**.

Berdasarkan Data 2 yang telah dipaparkan di atas, terdapat fenomena ketiadaan objek selepas KKT Keadaan sehingga menghasilkan struktur meN-kan + Objek Sifar. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya perilaku imbuhan meN-kan yang tidak perlu mengambil objek sebagai penyambut selepas KKT Keadaan. Ketiadaan objek selepas KKT Keadaan bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan, sebaliknya ia merupakan salah satu tabiat atau perilaku imbuhan meN-kan yang tidak berkehendakkan objek sebagai penyambut. Perilaku imbuhan meN-kan yang tidak mengambil objek sebagai penyambut hanya dapat dijelaskan melalui teori Relevans.

Dari segi teori Relevans, fenomena ketiadaan objek selepas KKT Keadaan tidak mendarangkan permasalahan kerana yang penting ialah konsep pemilihan rujukan yang tepat supaya ungkapan tersebut masih dapat

difahami. Penentuan terhadap sesuatu ayat yang tidak mempunyai objek selepas KKT Keadaan itu sama ada dapat difahami atau sebaliknya, berdasarkan faktor keseimbangan konteks. Jika penulis dan pembaca dapat membina keseimbangan konteks, maka sesuatu ayat itu masih dapat difahami walaupun dalam keadaan ketiadaan objek selepas KKT. Keseimbangan konteks dapat dibina oleh pembaca dengan merujuk maklumat-maklumat awal (premis-premis tambahan) yang diberikan oleh penulis.

Dalam menentukan objek mana yang wajar hadir selepas KKT *membebarkan*, pembaca perlu memanipulasikan sebarang maklumat yang telah dinyatakan oleh penulis. Dalam data di atas, objek yang telah ditiadakan oleh penulis sebenarnya telah dinyatakan dalam maklumat terdahulu. Sama ada secara sengaja atau tidak, penulis telah menghilangkan objek selepas KKT *membebarkan* dengan tanggapan bahawa objek tersebut telah dinyatakan dalam maklumat awal dan tidak perlu diulang lagi. Data dalam bentuk perenggan di bawah ini dapat membuktikan bahawa objek yang telah ditiadakan selepas KKT *membebarkan*, sebenarnya telah dinyatakan dalam maklumat terdahulu. Perhatikan data di bawah ini:

Permasalahan SAR dan pendidikan Islam sudah lama diperkatakan oleh cendekiawan Islam pada awal tahun 80-an yang melihat kewajipan pelajar SAR mengambil dua peperiksaan iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Menengah Agama (SMA) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan Sijil Tinggi Agama sebagai \*\*membebarkan\*\*.

Dalam data di atas, KKT *membebarkan* telah menimbulkan persoalan, iaitu membebankan siapa? Bagi menjawab persoalan membebankan siapa, pembaca perlu memproses maklumat-maklumat yang telah dinyatakan, terutama pada bahagian awal perenggan. Maklumat awal yang diberikan adalah tentang permasalahan Sekolah Agama Rakyat (SAR) semenjak awal tahun 80-an, iaitu kewajipan pelajar SAR mengambil dua peperiksaan. Perkataan yang bergaris di dalam data di atas merupakan maklumat awal tentang objek. Maklumat seterusnya ialah mengambil dua peperiksaan sebagai sesuatu yang membebankan. Setelah pembaca memperoleh kedua-dua maklumat tersebut, pembaca perlu membuat pemilihan rujukan bagi menjawab persoalan membebankan siapa, iaitu objek manakah yang wajar hadir selepas KKT *membebarkan*. Proses untuk menentukan objek tidak menjadi sukar kerana pihak yang paling relevan dengan situasi permasalahan di SAR ialah pelajar SAR.

Apabila pembaca membaca perenggan yang terdapat seperti di dalam data di atas, secara kognisinya, pembaca sudah dapat memahami per-

masalah yang dinyatakan oleh pihak yang terlibat dengan permasalahan tersebut. Hal ini berlaku kerana KKT *membebankan* secara logiknya merujuk objek yang telah dinyatakan dalam maklumat terdahulu, iaitu pelajar SAR. Objek pelajar SAR tidak perlu diulang selepas KKT *membebankan* kerana objek tersebut boleh dirujuk dalam maklumat terdahulu. Objek yang terdapat di dalam maklumat terdahulu secara logiknya wajar berada selepas KKT *membebankan* kerana hanya objek tersebut yang relevan dengan konteks yang sedang diperkatakan. Apabila pembaca dapat membina konteks dan membuat pemilihan rujukan yang tepat, maka permasalahan ketiadaan objek selepas KKT dapat diselesaikan dengan mudah. Ini kerana objek yang telah dihilangkan oleh penulis berada di dalam teks.

### Analisis Data 3

Dalam Data 3 di bawah , objek yang wajar hadir selepas KKT *memalukan* tidak terdapat di dalam teks, sebaliknya objek tersebut terdapat di luar teks.

3. 1210 t Tanah adalah lumrah cukup **\*\*memalukan\*\***. Kakitangan Pejabat Tanah  
BHLR11

Pendedahan ejen tanah dan peguam yang mendakwa memberi sogokan kepada kakitangan Pejabat Tanah adalah lumrah cukup **\*\*memalukan\*\***. Kakitangan Pejabat Tanah sentiasa terdedah kepada risiko rasuah atau sogokan kerana orang ramai kerap mahukan urusan mereka disegerakan.

Berdasarkan contoh di atas, KKT *memalukan* mempunyai struktur meN-kan + Objek Sifar. Ketiadaan objek selepas kata kerja itu telah menimbulkan satu persoalan dari segi penentuan objek, iaitu memalukan siapa atau pihak manakah yang mendapat malu? KKT *memalukan* sepaututnya menerima satu objek yang terdiri daripada FN untuk melengkapkan maklumat tentang pihak manakah yang akan mendapat kesan memalukan. Ketiadaan objek dalam struktur KKT tersebut telah menimbulkan permasalahan kekaburuan objek, iaitu menentukan objek mana yang wajar hadir selepas KKT *memalukan*.

Persoalan siapa atau pihak mana yang mendapat malu hanya dapat dijelaskan melalui teori Relevans. Berdasarkan konteks, pembaca boleh memproses maklumat berkaitan dengan objek yang telah ditiadakan selepas KKT Keadaan *memalukan* dengan merujuk kepada maklumat-maklumat yang terdapat di dalam teks (sama ada dalam ayat terdahulu atau ayat ter-kemudian) atau di luar teks.

Berdasarkan data di atas, pembaca masih boleh memproses maklumat

objek yang telah ditiadakan selepas KKT *memalukan*. Terdapat sekurang-kurangnya tiga pihak yang boleh dikategorikan sebagai objek yang boleh diikuti selepas KKT, iaitu pihak pertama sebagai ejen tanah dan peguam, pihak kedua sebagai kakitangan Pejabat Tanah, dan ketiga orang ramai. Dalam menentukan pihak mana yang paling relevan sebagai objek, pembaca perlu memproses maklumat dengan membuat beberapa andaian awal.

Andaian awal yang boleh dibuat oleh pembaca ialah ketiga-tiga pihak boleh menduduki tempat objek selepas KKT *memalukan*. Ini kerana pendedahan amalan memberikan dan menerima rasuah di Pejabat Tanah boleh membawa malu kepada ejen tanah dan peguam, kakitangan Pejabat Tanah serta orang ramai. Keadaan ini menyebabkan usaha untuk menentukan objek selepas KKT memerlukan kos memproses maklumat yang tinggi. Dalam menentukan objek, maklumat perlu diproses secara berperingkat-peringkat, bermula daripada pihak pertama hingga pihak ketiga.

Ejen tanah dan peguam akan diklasifikasikan oleh pembaca sebagai pihak yang memberikan rasuah dan membuat pendedahan kepada umum tentang kegiatan tersebut. Berdasarkan maklumat awal, pembaca boleh membuat kesimpulan bahawa ejen tanah dan peguam telah melakukan dua perkara yang memalukan, iaitu pertamanya memberikan rasuah dan keduanya mendedahkan perbuatan mereka memberikan rasuah kepada kakitangan Pejabat Tanah. Melalui maklumat tersebut, pembaca tidak akan membuat kesimpulan bahawa ejen tanah dan peguam sebagai objek yang boleh hadir selepas KKT *memalukan*. Ini kerana, ejen tanah dan peguam tidak akan berasa malu atas perbuatan mereka. Dari segi kesan konteksnya, pembaca akan membina penguatan maklumat dengan membuat kesimpulan bahawa ejen tanah dan peguam tidak akan berasa malu dengan perbuatan mereka, iaitu memberikan rasuah dan mendedahkan perbuatan tersebut. Hal ini telah menyebabkan berlakunya proses pengenyatakan terhadap ejen tanah dan peguam sebagai objek selepas KKT *memalukan*.

Setelah ejen tanah dan peguam telah dinyahtaksakan, kini tinggal dua pihak, iaitu kakitangan Pejabat Tanah dan orang ramai yang boleh menduduki tempat objek. Berkaitan dengan kakitangan Pejabat Tanah, pendedahan oleh ejen tanah dan peguam bahawa kakitangan Pejabat Tanah menerima rasuah, memberikan tanggapan awal sebagai sesuatu yang akan memalukan kakitangan Pejabat Tanah itu sendiri. Perbuatan kakitangan Pejabat Tanah menerima rasuah merupakan suatu perbuatan yang jijik dan memalukan. Walau bagaimanapun, pembaca akan membuat kesimpulan bahawa perbuatan kakitangan Pejabat Tanah menerima rasuah membuktikan bahawa mereka telah mengetepikan perasaan malu. Oleh itu, kakitangan Pejabat

Tanah boleh dinyahtaksakan oleh pembaca sebagai pihak yang boleh menduduki tempat objek selepas KKT *memalukan*. Setelah kedua-dua pihak telah dinyahtaksakan sebagai objek, kini hanya tinggal *orang ramai* yang boleh menduduki tempat objek. Pembaca akan membuat andaian bahawa pihak orang ramai boleh menduduki tempat objek selepas KKT *memalukan*, walaupun orang ramai tidak dinyatakan dalam petikan tersebut.

Pembaca akan membuat andaian awal bahawa orang ramai yang berurusan dengan kakitangan Pejabat Tanah sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang cekap, bersih dan amanah semasa melaksanakan tugas. Pendedahan tentang kegiatan memberikan dan menerima rasuah di Pejabat Tanah telah membawa konotasi yang tidak baik kepada orang ramai. Orang ramai yang selama ini memberikan sepenuh kepercayaan kepada kakitangan Pejabat Tanah telah beranggapan bahawa amalan rasuah di Pejabat Tanah amat memalukan orang ramai. Oleh itu, orang ramai paling relevan menduduki tempat objek. Justeru, struktur yang wajar terhasil ialah meN-malukan + orang ramai, iaitu objek yang terdapat di luar teks.

## Analisis Data 4

4. 7237 enjadi tragedi harian yang **menyedihkan**. Sewaktu burung gagak dipe BHLR61

Kepupusan fauna dan flora menjadi tragedi harian yang **menyedihkan**. Sewaktu burung gagak diperlukan untuk **memakan** ulat di ladang kopi, ia dibawa dari India dan digelar ‘black beauty’. Namun setelah didapati bilangannya semakin bertambah dan dirasakan kehadirannya **mengotarkan** kawasan bandar tanpa menyedari bahawa burung gagak juga turut membantu **melupuskan** sampah dengan begitu banyak, satu pertandingan menembak burung gagak diadakan.

Melalui Data 4 di atas, KKT menyediakan mempunyai struktur meN-kan + Objek Sifar. Imbuhan *meny-* sebagai imbuhan awalan membawa fungsi imbuhan kata kerja ragam aktif. Manakala imbuhan akhiran *-kan* pula berperanan untuk mentransitifkan kata kerja. Kata adjektif *sedih* telah menerima imbuhan apitan meN-kan dan seterusnya membentuk KKT Keadaan. Secara strukturnya, setiap KKT perlu diikuti oleh objek sebagai penyambut. Keadaan ini disebabkan perilaku imbuhan apitan meN-kan yang secara lazimnya wajib mengambil objek sebagai penyambut. Walau bagaimanapun, melalui data di atas, imbuhan meN-kan sebagai penanda KKT tidak diikuti oleh objek. Ini menunjukkan terdapat keadaan imbuhan meN-kan yang mempunyai perilaku yang tidak mengambil objek selepas KKT.

Perilaku imbuhan apitan meN-kan yang tidak diikuti oleh objek hanya dapat dijelaskan melalui teori Relevans. Sebagaimana yang telah ditegaskan sebelum ini, dalam sesuatu komunikasi, seseorang penutur atau penulis kerap menggugurkan sesuatu elemen ayat, terutama objek dengan andaian pendengar atau pembaca masih boleh memahami komunikasi itu dengan merujuk kalimat terdahulu atau terkemudian. Perkara yang paling penting dalam komunikasi seperti ini ialah wujudnya keseimbangan dari segi konteks antara kedua-dua belah pihak yang berkomunikasi.

Berdasarkan data di atas, pembaca perlu menentukan pemilihan rujukan terhadap objek yang telah ditiadakan selepas KKT. Proses menentukan siapa yang boleh menduduki tempat objek selepas KKT hanya boleh ditentukan dengan melibatkan konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

Melalui data tersebut, pembaca telah diberi maklumat awal tentang kemusnahan fauna dan flora. Fauna dan flora merupakan sumber alam semula jadi dan amat dihargai oleh setiap manusia. Seterusnya, pembaca telah diberi maklumat tambahan tentang jenis fauna, iaitu burung gagak. Pembaca akan mengalami proses pengayaan maklumat apabila diberi maklumat tambahan tentang burung gagak, iaitu memakan ulat di ladang kopi, melupuskan sampah dan mengotorkan kawasan bandar. Bagi pembaca yang tinggal di kawasan bandar, mereka dengan sendirinya dapat membayangkan bagaimana burung gagak membuang najis sehingga mengotorkan kawasan bandar. Kemampuan pembaca membayangkan bagaimana burung gagak mengotorkan kawasan bandar merupakan konteks yang dibina oleh pembaca. Proses penguatan maklumat juga berlaku jika pembaca pernah melihat bagaimana burung gagak ditembak mati. Konteks boleh diwujudkan dengan melihat alam persekitaran ataupun merujuk pengalaman pembaca sendiri yang merupakan satu catatan ensiklopedia.

Persoalan tentang KN mana yang wajib menjadi objek selepas KKT *menyedihiikan*, hanya dapat ditentukan melalui usaha memproses. Pembaca akan tertanya-tanya kegiatan menembak burung gagak akan menyedihiikan siapa? Proses pemilihan rujukan, pengayaan dan pengenyahataksaan, memainkan peranan penting dalam menentukan siapa yang boleh menduduki tempat objek. Dalam data di atas, terdapat tiga pihak yang boleh menduduki tempat objek, iaitu burung gagak, penembak burung gagak dan kita sebagai pembaca. Pengenyahataksaan maklumat perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum pemilihan rujukan yang tepat ditentukan. Dalam hal ini, burung gagak perlu dinyahtaksakan sebagai objek yang menerima kesan sedih. Ini kerana pembaca akan membuat kesimpulan bahawa burung gagak sebagai haiwan tidak mampu untuk berasa sedih sebagaimana manusia biasa.

Pembaca juga akan mengenyahaksakan penembak burung gagak sebagai objek. Ini kerana penembak burung gagak tidak akan berasa sedih atas perbuatan mereka. Setelah burung gagak dan penembak burung gagak dinyahtaksakan sebagai objek yang perlu hadir selepas KKT *menyediikan*, maka pilihan rujukan yang masih tinggal ialah *kita* sebagai pembaca. Walaupun *kita* sebagai khalayak pembaca tidak dinyatakan secara langsung dalam ayat di atas, kata ganti nama diri orang pertama *kita* yang merujuk khalayak pembaca, boleh menduduki tempat objek. Pemilihan kata ganti nama diri orang pertama *kita* sebagai objek selepas KKT *menyediikan* dilakukan setelah pembaca mengaitkan maklumat di luar teks. Oleh itu, kata ganti nama diri orang pertama *kita* boleh menduduki tempat objek yang telah ditiadakan oleh penulis. Struktur yang sepatutnya ialah meN-kan + kata ganti nama diri orang pertama (*kita*). Objek *kita* merupakan objek yang wujud di luar konteks tersebut tetapi menjadi relevan apabila penulis ingin mengaitkan sesuatu isu dengan *kita* sebagai khalayak pembaca. Justeru, struktur yang sepatutnya terhasil ialah meN-sedih-kan + *kita*.

## KESIMPULAN

Makalah ini telah menjelaskan tentang perilaku imbuhan meN-kan yang menghasilkan struktur meN-kan + Objek Sifar. Hal ini telah dinyatakan oleh Hashim Hj. Musa (1990), Wong Khek Seng (1990) dan Darwis Harahap (1996). Analisis terhadap korpus berkomputer telah mengesahkan pendapat tersebut. Justeru, suatu rumusan dapatan kajian ini ialah KKT yang tidak memerlukan objek merupakan KKT Keadaan, iaitu KK yang memaparkan sesuatu situasi atau keadaan. KK jenis ini bersifat statik atau tidak melibatkan lakuhan. Ini membolehkan struktur meN-kan + Objek Sifar wujud dalam bahasa Melayu. Selain itu, Ketiadaan objek selepas KKT boleh diramalkan oleh konteks. Walaupun pada strukturnya objek selepas KKT ditiadakan, namun pada hakikatnya objek tersebut tetap ada, iaitu sama ada berada di dalam atau di luar teks.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Liaw Yock Fang, 1994. *Nahu Melayu Moden*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Asmah Hj. Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap, 1996. *Pembinaan Kata Kerja dari Sudut Makna*. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Musa, 1990. *Sintaksis Bahasa Melayu: Suatu Huraian Berdasarkan Rumus Struktur Frasa*. Kuala Lumpur: Penerbitan Nusantara.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood, 1997. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramli Md. Salleh, 2000. *Teori Sintaksis*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sew, J.W., 1999. Kata Kerja: Mempelopori Suatu Penilaian Semantik Baru. *Dewan Bahasa*. Jun: 530–537.

Sperber D., & Wilson D., 1999. *Relevans: Komunikasi dan Kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Van Valin, R., dan LaPolla R., 1997. *Syntax: Structure, Meaning & Function*. Cambridge: Cambridge University Press.

Van Valin R., 1999. “Generalized semantic roles and the syntax-semantics interface”. [http://linguistics.buffalo.edu/research/rrg/vanvalin\\_papers/gensemroles.pdf](http://linguistics.buffalo.edu/research/rrg/vanvalin_papers/gensemroles.pdf) (30 Jun 2003).

Vendler Zeno, 1967. *Philosophy in Linguistics*. Ithaca: Cornell University Press.

Wong Khek Seng, 1990. Objek dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. Julai: 544–551.

Za'ba, 1965. *Pelita Bahasa Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.